

03/06/1999

Penubuhan EAEC tetap diteruskan

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Rabu - Malaysia masih tidak berputus asa dalam merealisasikan pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, konsep EAEC sudahpun diamalkan menerusi pertemuan Asean+3 (Jepun, China dan Korea Selatan) pada setiap mesyuarat ketua kerajaan pertubuhan serantau itu.

"Menerusi forum ini, kita berpeluang membincangkan pelbagai isu yang membabitkan rantau ini," katanya dalam pertemuan dengan 14 editor media Jepun di sini, hari ini.

Dalam pertemuan sejam itu, Dr Mahathir ditanya mengenai perkembangan EAEC yang dicadangkan Malaysia beberapa tahun lalu, tetapi tertangguh berikutan gagal mendapat sokongan Jepun kerana dipengaruhi Amerika Syarikat.

Perdana Menteri yang tiba di sini dari Nagoya pagi ini untuk meneruskan lawatan kerja seminggu ke Jepun berkata, beliau tidak nampak mengapa Amerika mahu menghalang pembentukan EAEC semata-mata kerana Asean menolak penyertaannya dalam perundingan itu.

"Kesatuan Eropah (EU) juga tidak disertai Amerika, tetapi EU boleh ditubuhkan. Kalau Eropah boleh, mengapa tidak Asia," katanya di majlis yang dipengerusikan Pengarang Berita Luar Negara akhbar Nikkei, Hirotosugu Koike.

Turut hadir ialah Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri Muhammad Khatib.

Perdana Menteri berkata, Amerika memang cuba menguasai dan menentukan apa yang mesti dilakukan negara lain.

"Misalnya, Amerika kata EAEC tidak boleh dibentuk dan kita patuh. Ini sebenarnya salah. Kita sebaliknya perlu menyuarakan pandangan dalam isu tertentu," katanya.

Mengenai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Dr Mahathir berkata, Malaysia sejak awal lagi tidak yakin Apec akan membawa kebaikan kerana kerjasama itu memberi fokus terhadap isu pasaran.

"Pasaran terbuka hanya menguntungkan negara yang mempunyai barang untuk dijual, sedangkan kita tidak ada apa untuk dijual.

"Tahun lalu Apec membincangkan isu dagangan mata wang tetapi malangnya badan berkenaan meminta forum lain untuk mengambil sebarang tindakan. Sebab itu, banyak negara terutama yang terjejas teruk akibat serangan pedagang mata wang, kini hilang keyakinan terhadap keupayaan Apec," katanya.

Selain Apec dan EAEC, Dr Mahathir turut ditanya pelbagai isu antarabangsa termasuk hubungan China dan Amerika, serangan udara Nato ke atas Yugoslavia serta pilihan raya di Indonesia.

Menurut Dr Mahathir, beliau memahami bahawa Jepun memerlukan kerjasama Amerika, tetapi kebimbangan China terhadap hubungan kedua-dua negara berkenaan juga perlu difahami.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menganggap kerjasama dengan China penting, malah negara itu turut memberi sumbangan dalam meredakan krisis ekonomi di rantau ini tanpa menurunkan nilai mata wangnya.

"Tindakan memencilkan China adalah salah kerana menjadikannya musuh akan hanya mencetuskan perlumbaan senjata yang akhirnya memungkinan berlaku peperangan.

"Bagi Malaysia, kita lebih suka sebarang masalah diselesaikan di meja rundingan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak menyokong sebarang usaha untuk mengembalikan kuasa tentera di Jepun, sebaliknya Jepun boleh memainkan peranan sebagai pasukan pengaman seperti dilakukan Malaysia di Bosnia Herzegovina.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia menyokong tindakan ketenteraan ke atas Yugoslavia kerana tentera Serb sukar diajak berunding.

Malah, beliau mengulangi gesaan Malaysia supaya Nato menghantar tentera darat bagi menghentikan segera tindakan Serbia melakukan penghapusan etnik di Kosovo.

"Serbs sudah membunuh 200,000 penduduk di Bosnia dan ada bukti pembunuhan beramai-ramai juga dilakukan di Kosovo. Nato sebenarnya lewat bertindak dan semakin lama rundingan diadakan, semakin ramai yang terbunuh," katanya.

(END)